

29/05/1999

1,217 naskhah majalah dirampas

Ahmad Zaini Kamaruzzman

ALOR STAR, Jumaat - Polis merampas 1,217 naskhah majalah bertajuk `41 Dalil Mengapa Rakyat Mesti Tolak BN', dalam satu serbuan ke sebuah syarikat percetakan di Jitra, dekat sini semalam.

Majalah yang tidak mempunyai nama pencetak dan penerbit itu, dirampas kerana melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Penerbit majalah 44 muka surat, yang mengandungi pelbagai tuduhan dan tohmahan terhadap kerajaan dan pemimpin Barisan Nasional (BN) itu, juga tidak mempunyai permit Kementerian Dalam Negeri.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Pemangku Superitenden Abu Talib Bujang, berkata majalah itu dirampas daripada syarikat yang beralamat 448, Taman Tabung Haji, Bukit Tinggi, Kepala Batas, Jitra.

"Hasil maklumat orang ramai, polis menyerbu premis berkenaan kira-kira 9.40 pagi semalam dan menjumpai majalah berkenaan serta menyaman pemilik premis itu," katanya dalam sidang akhbar, di sini hari ini.

Pemilik premis, lelaki berusia lingkungan 30 tahun dijangka didakwa mengikut seksyen 11 (II) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum setahun atau denda RM5,000 atau kedua-dua sekali.

Pada kulit majalah itu, tertulis harga RM3 senaskhah. Ia mengandungi lukisan karikatur (kartun) pada separuh bahagian atas muka surat, manakala teks berupa pelbagai tuduhan dan tohmahan, pada bahagian bawah.

Antara karikatur yang dilukis ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Majalah itu turut membuat tuduhan mengenai gejala kronisme, nepotisme dan rasuah dalam kerajaan. Pada tiga muka surat terakhir, majalah itu menyiarkan sebuah cerpen yang mengutuk kepemimpinan kerajaan.

Abu Talib tidak menolak kemungkinan majalah itu telah dijual dan dimiliki oleh orang ramai.

Sehubungan itu, beliau meminta mereka yang memiliki majalah itu menyerahkannya kepada polis.

(END)